

## Polis Miri yakin tumpas sindiket edar dadah

June 24, 2015, Wednesday



TUMPAS: Stanley (dua kanan) menunjukkan satu plastik putih mengandungi tiga peket plastik berisi 210 biji pil ekstasi disembunyikan dalam 'snow cap' dan disimpan dalam beg kembara.

MIRI: Polis Miri percaya dapat menumpaskan satu lagi sindiket pengedaran dadah dengan penangkapan seorang lelaki serta merampas dadah berbahaya jenis syabu dan ekstasi dengan anggaran berat 71.45 gram.

Pemangku Ketua Polis Daerah Miri Superintendant Stanley Jonathan Ringgit berkata semasa ditangkap sekitar jam 9 malam kelmarin, suspek baharu tiba di bangunan Lapangan Terbang Miri (LTM) dan hendak menaiki pesawat dari sini ke Kuching.

"Berdasarkan harga pasaran sekarang, nilai keseluruhan dadah dirampas daripada suspek berusia 25 tahun itu dianggarkan RM13,800," katanya pada sidang media di pejabat Bahagian Siasatan Jenayah Narkotik Daerah (BSJND) Miri di sini tengah hari semalam.

Hadir sama Ketua BSJND Miri ASP Mohd Hurriyatul Fikri Sairin Karno, Pegawai Penyiasat Inspektor Hezron @ Ron Gani dan Sub-Inspektor Bakar Drahman.

Menurut Stanley, bertindak atas maklumat sekitar jam 9 malam di bangunan LTM, sepasukan polis BSJND Miri menahan seorang lelaki untuk tujuan pemeriksaan kerana disyaki terlibat dalam kegiatan penyalahgunaan dadah.

Sebaik ditangkap, polis melakukan pemeriksaan terhadap suspek tidak menemui apa-apa yang menyalahi undang-undang.

"Ketika ditahan, suspek ada membawa tiga buah beg terdiri sebuah beg kembara, beg pakaian dan beg sandang.

“Hasil pemeriksaan terhadap beg kembara jenama Mega Polo milik suspek, polis menjumpai satu bungkus plastik berisi tiga peket plastik lut sinar masing-masing berisi pil ekstasi disembunyikan di dalam ‘snow cap’ berwarna coklat dan disimpan dalam beg itu,” katanya.

Menurut Stanley, peket pertama mengandungi 110 biji pil berwarna biru, manakala peket kedua dan ketiga masing-masing berisi 50 biji pil berwarna kelabu dan coklat dengan berat kasar 62 gram.

Barang disyaki dadah itu dirampas untuk dijadikan barang kes dan suspek dibawa ke pejabat BSJND Miri bagi menjalani ujian saringan awal air kencing dan hasilnya menunjukkan kesan positif dadah jenis Amphetamine.

Sementara itu, hasil soal siasat sekitar jam 1.10 pagi semalam, polis diketuai ASP Fikri dengan dipandu arah oleh suspek pergi ke rumah sewanya di Taman Lopeng Jaya, Jalan Cahaya, Lopeng di sini.

Hasil pemeriksaan lanjut di rumah itu, polis menjumpai satu kotak rokok jenama Dunhill berwarna hijau yang di dalamnya mengandungi satu peket plastik lut sinar berisi ketulan kristal dipercayai dadah jenis syabu di dalam almari pakaian milik suspek.

“Berikutan dua rampasan itu masing-masing bernilai RM10,500 (ekstasi) dan RM3,300 (syabu), suspek ditangkap mengikut Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya (ADB) 1952 kerana disyaki mengedar dadah dan jika sabit kesalahan boleh dikenakan hukuman gantung sampai mati,” ujar beliau.

Menurut Stanley, ketika ditahan suspek yang berasal dari Pulau Pinang hendak menaiki penerbangan dari Miri ke Kuching dan seterusnya ke Pulau Pinang.

Katanya, suspek yang mendakwa bekerja sebagai juruteknik berada di Miri sejak dua bulan lalu dengan menyewa sebuah rumah di Taman Lopeng Jaya di sini bersama seorang lagi rakan.

Difahamkan rakan serumahnya itu ditangkap mengikut Seksyen 39B ADB 1952 di Bintulu seminggu lalu kerana kesalahan serupa.

“Polis tidak menolak kemungkinan suspek bergerak dalam satu sindiket yang menjadikan Miri sebagai pusat transit mengedar dadah ke kawasan lain. Ini kerana suspek bukan warga tempatan.

“Manakala kes ini merupakan tangkapan dan rampasan dadah pertama di LTM pada tahun ini,” katanya sambil menambah suspek dipercayai mendapat bekalan dadah tersebut dari Semenanjung Malaysia.

Menurut Stanley, suspek kini sedang direman selama tujuh hari mengikut Seksyen 117 Kanun Prosedur Jenayah di Balai Polis Pusat Miri.